

AVILLION TAWAR HOTEL KONSEP MODEN KONTEMPORARI DI PULAU PANGKOR

Thursday, 09 May 2019



Kamar berkonsepkan kontemporari moden yang ditampilkan Avi Pangkor Beach Resort.

KUMPULAN Hotel Avillion Sdn Bhd memperkenalkan hotel terbaru, Avi Pangkor Beach Resort by Avillion menerusi perjanjian pengurusan dengan R&R Sky Group untuk membuka dan mengurus hotel tersebut di Pulau Pangkor yang merupakan sebuah destinasi pelancongan popular di Malaysia.

Pengarah Urusan Kumpulan Avillion Berhad, See Ah Sing berkata, Avi Pangkor Beach Resort terletak di Pantai Pasir Bogak Pulau Pangkor, Perak, menawarkan 65 bilik berkonsepkan moden kontemporari dan akan beroperasi pada suku ketiga tahun ini.

"Hotel ini berada di lokasi strategik iaitu di antara pinggiran tropika tepi pantai dan rimbunan alam semula jadi yang meliputi kawasan hijau Tortoise Hill.

"Dengan suasana sederhana tetapi mempesonakan, Avi Pangkor Beach Resort berpotensi menarik perhatian pelanggan dalam kalangan tetamu yang mahu berlibur dan mereka yang ingin mengadakan mesyuarat kerja dalam suasana luar daripada kebiasaan," katanya dalam satu kenyataan.

Tambahnya, lebih menarik hotel itu terletak berhampiran dengan kampung nelayan dan terdapat banyak restoran serta pengusaha perkhidmatan aktiviti sukan air.

Malah katanya, Avi Pangkor Beach Resort juga berhampiran dengan tapak peninggalan sejarah di Pulau Pangkor, iaitu Dutch Fort Pangkor Island (Kota Belanda).

"Avillion yakin Pulau Pangkor akan berkembang menjadi destinasi pulau pilihan kerana status bebas cukai dan promosi pemasaran yang kukuh oleh Lembaga Pelancongan Perak untuk menarik pelancong ke pulau ini.

"Malah, Avillion sangat yakin Avi Pangkor Beach Resort berpotensi menarik pelancong domestik dan luar negara. Kami jamin hotel ini bakal memberikan kepuasan kepada pengunjung dari segi perkhidmatan, ruang dan harga," katanya.

Pulau Pangkor telah diberikan status bebas cukai bermula 1 Jan 2020.